

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]

TARIKH : 7.4.2014

SOALAN :

Y.B. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan bagi membiayai kajian pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris (BI) yang dijalankan kumpulan pakar Cambridge English yang dilantik oleh Kementerian serta nyatakan dapanan kajian tersebut secara terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan keperluan untuk memastikan standard pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia sejajar dengan standard di peringkat antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat perjanjian kerjasama dengan pihak Cambridge English bagi melaksanakan kajian penanda aras standard bahasa Inggeris di Malaysia berbanding standard antarabangsa. Kajian secara *baseline* adalah untuk menanda aras tahap bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan di Malaysia dari peringkat prasekolah sehingga ke Tingkatan 6 dalam kalangan guru dan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian tersebut dibiayai sepenuhnya oleh Cambridge Malaysia Education Development Trust (CMEDT). Kajian yang menyeluruh ini melibatkan murid, guru, bahan pembelajaran, dokumen kurikulum dan pentaksiran. Hasil dapanan utama Projek Cambridge Baseline

2013 adalah berdasarkan para pelajar, guru, kurikulum, pentaksiran dan bahan pembelajaran.

Hasil dapatan utama dari segi para pelajar adalah didapati tahap penguasaan bahasa inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar di peringkat menengah dan rendah adalah merangkumi pelbagai peringkat pencapaian. Sebahagian besar pelajar tidak pernah ada kemajuan di luar tahap penggunaan asas bahasa inggeris. Pelajar-pelajar paling lemah dalam kemahiran bertutur. Pendedahan kepada Bahasa Inggeris dikaitkan kepada pencapaian dan prestasi dalam kebolehan untuk menguasai Bahasa Inggeris secara keseluruhan.

Hasil dapatan utama dari segi guru adalah guru-guru paling lemah dalam kemahiran bertutur. Terdapat skop untuk menambahbaik pengetahuan pedagogi, terutamanya dari segi amalan pedagogi. Guru-guru memerlukan pelbagai strategi yang berkesan. Guru-guru juga menyatakan bahawa mereka memerlukan pelbagai latihan dalam perkhidmatan untuk menambahbaik kepakaran profesional. Pemerhatian guru-guru oleh pihak pentadbir tidak efektif dan guru-guru dibebankan dengan kerja-kerja pentadbiran

Hasil dapatan utama dari segi kurikulum adalah terdapat beberapa ciri-ciri yang baik tetapi rangka kerja secara keseluruhan adalah tidak sekata dan tidak sejajar dengan piawaian antarabangsa. Ada keperluan untuk persempadanan di antara hasil pembelajaran dan penyasaran bahasa dengan tepat serta fokus kepada kemahiran. Penekanan juga harus diberikan kepada kemahiran bertutur dan berkomunikasi.

Hasil dapatan utama dari segi pentaksiran adalah tidak sejajar dengan piawaian antarabangsa. Penekanan lebih kepada Membaca dan Menulis berbanding dengan Berkomunikasi dan Mendengar. Terdapat masalah format peperiksaan yang memberi negatif terhadap persekitaran pengajaran dan pembelajaran.

Hasil dapatan utama dari segi bahan pembelajaran adalah stail penggredan lemah dan penyasaran tabahasa kurang memuaskan. Kekurangan peluang dalam penemuan berpandu (guided discovery) dan peluang adalah terhad untuk tugas bersepadau dan kerja projek.

Rjm114

SOALAN (3)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

**DARIPADA : Y.B DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

SOALAN :-

Y.B DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tindakan dan usaha proaktif yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk bekerja sama dengan penduduk tempatan melalui pelbagai pertubuhan tempatan untuk membasmi denggi dan menghapuskan kawasan pembiakan nyamuk Aedes dan jelaskan kesannya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 70% kes denggi yang dilaporkan berlaku di kawasan bandar. Kejadian ini berlaku disebabkan pembangunan yang pesat menyebabkan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan perbandaran. Kurangnya kesedaran masyarakat terhadap peri pentingnya menjaga kebersihan juga menyebabkan wujudnya tempat-tempat pemberian nyamuk. Penyakit demam denggi ini berlaku disebabkan oleh jangkitan salah satu daripada empat virus denggi yang disebarluaskan kepada manusia melalui gigitan nyamuk *Aedes aegypti* yang membawa virus tersebut.

Laporan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia, bagi tempoh Januari sehingga 23 Mac 2014, sebanyak 23,633 kes dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 314% atau 17,917 kes berbanding hanya 5,716 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, usaha untuk mengawal pembiakan nyamuk *aedes* bagi mengurangkan kes demam denggi ini

memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pendidikan, Jabatan Penerangan, Jabatan Alam Sekitar, Pemaju-Pemaju Pembinaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Antara usaha-usaha proaktif yang dilaksanakan oleh PBT bagi mengurangkan kawasan pembiakan nyamuk aedes adalah:

Kawalan Dan Pencegahan Demam Denggi

- (i) Merancang, mengatur, melaksana aktiviti pemeriksaan melalui Unit Kawalan Vektor PBT;
- (ii) Menjalankan siasatan ke atas kes-kes penyakit bawaan vektor yang dinotifikasi dan menentukan punca jangkitan serta mengambil tindakan kawalan;
- (iii) Menjalankan tinjauan aedes untuk mengesan pembiakan jentik-jentik nyamuk aedes;
- (iv) Menjalankan semburan (termal fogging/ ulv) untuk membunuh nyamuk aedes dikawasan yang tinggi petunjuk aedes atau terdapat kes-kes denggi yang dilaporkan; dan
- (v) Menjalankan aktiviti pemusnahan jentik-jentik nyamuk aedes dengan *larviciding*.

Tindakan Dan Siasatan Aduan Awam

Selain daripada itu, PBT juga turut mengambil tindakan dan menjalankan siasatan menerusi aduan-aduan awam mengenai kacau ganggu nyamuk dan mengambil tindakan pencegahan dan juga penguatkuasaan.

Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil tindakan seperti notis, kompaun, penutupan premis atau tindakan mahkamah boleh diambil terhadap pemunya premis yang ada pembibitan nyamuk di bawah Seksyen 81 (c) dan (g) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari 109 PBT sebanyak 1,043,630 premis telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,622 kompaun dan 5,016 notis telah dikeluarkan sepanjang tahun 2013 yang membabitkan tempat pembibitan nyamuk.

Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan menerusi peruntukan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [Akta 154] dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah bagi menjalankan pemeriksaan ulangan, mengeluarkan notis /kompaun dan menguruskan kerja-kerja tindakan mahkamah.

Tuan Yang DiPertua,

Masalah peningkatan deman denggi yang akan meruncing ini antara lainnya berpunca daripada sikap masyarakat sendiri yang kurang memberi penekanan terhadap kebersihan persekitaran. Untuk itu, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk memaklumkan kepada semua PBT, situasi semasa kes denggi melalui pemberitahuan yang dikeluarkan setiap dua minggu sekali. Ini bagi memberi peringatan kepada PBT mengenai kejadian kes, wabak dan lokaliti *hotspots* dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak PBT untuk mengatasi masalah tersebut. Antara aktiviti kesedaran dan pendidikan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah:

- (i) Mengadakan kempen kesedaran kepada orang awam mengenai penyakit bawaan vektor langkah pengawalan dan pencegahannya;
- (ii) Mengatur program gotong-royong contohnya 'Cari dan Musnah' di kawasan 'hotspot' denggi; dan
- (iii) Mengadakan pameran kesihatan dan kesedaran awam di sekolah, institusi pengajian, komplek perniagaan dan tempat tumpuan awam.

Dalam usaha meningkatkan penglibatan orang ramai, PBT-PBT juga telah mewujudkan program COMBI (*Communication for Behavioural*

Impact) yang bertujuan untuk memperkasa peranan komuniti dalam mencegah dan mengawal kejadian penyakit khususnya penyakit demam denggi. Sehingga Mac 2014, sebanyak 33 PBT telah mewujudkan Program COMBI di kawasan masing-masing. Antara program-program yang dijalankan adalah memaklumkan status denggi di kawasan setempat, membuat *fogging* secara bersama (PBT – Pejabat Kesihatan Daerah), program gotong-royong dan pameran kesihatan bagi memberi kesedaran kepada penduduk di kawasan PBT berkenaan. Program COMBI ini terbukti berkesan dalam mengawal dan mencegah denggi di kawasan PBT.

Kerajaan juga melalui Kementerian Kesihatan menggalakkan syarikat-syarikat swasta yang ingin melaksanakan tanggungjawab sosial dan kemasyarakataan (*Community and Social Responsibilty*) untuk membantu komuniti menjayakan Projek COMBI ini.

Bagi membincangkan dan menyelaras isu-isu berkaitan denggi yang melibatkan PBT, Kementerian ini melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah mengambil inisiatif mengadakan Mesyuarat Kawalan Denggi Peringkat PBT. Mesyuarat ini telah diadakan pada 20 Feb 2014 dan telah dihadiri oleh PBT-PBT dari Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Seremban dan Jabatan Kesihatan Negeri

Selangor. Mesyuarat seumpama ini akan terus diadakan untuk memastikan keadaan adalah terkawal.

Walaupun pihak Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Kesihatan ada menjalankan aktiviti kawalan seperti semburan kabus (*fogging*), masyarakat perlu diingatkan bahawa semburan kabus semata-mata tidak akan dapat menghapuskan nyamuk Aedes secara keseluruhan selagi punca-punca pembiakan Aedes seperti tin-tin kosong, tayar terbuang, bekas makanan dan barang buangan harian masih dibiarkan merata-rata dan membiakkan jentik-jentik Aedes. Kebanyakkan tempat pembiakan Aedes yang ditemui adalah di dalam plastik sampah, basin, tayar, botol plastik dan tong. Ini menunjukkan kawasan kediaman masih tidak bersih dan menyebabkan berlakunya pembiakan Aedes seterusnya jangkitan Demam Denggi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014